



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

DIMENSI PENGANGKUTAN DALAM BELANJAWAN 2024

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menyokong Belanjawan 2024 Kerajaan Perpaduan yang bertemakan “Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat” yang berhasrat untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara. Inisiatif-inisiatif Belanjawan 2024 yang dibentangkan adalah komprehensif dengan mengutamakan kepentingan masyarakat tanpa mengira bangsa dan kaum, sekaligus mampu mencerminkan perancangan sistematik sebuah kerajaan yang bertanggungjawab.
2. Itizam Kerajaan Perpaduan adalah jelas dalam mengangkat sebuah Malaysia MADANI yang berazam global, berteraskan nilai MADANI demi kesejahteraan rakyat.

SEKTOR DARAT

3. MOT menyambut baik MoT menyambut baik pengumuman untuk meneruskan semula cadangan pembinaan lima stesen LRT3 yang ditangguhkan sebelum ini iaitu stesen Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botanik. Pengekalan stesen-stesen ini dijangka melengkapi dan menambah baik jaringan pengangkutan awam di Lembah Klang yang bakal memanfaatkan 2 juta penduduk. Ini termasuk penambahan bilangan tren untuk LRT3 dan penaiktarafan sistem rel berkaitan untuk memastikan kekerapan perkhidmatan LRT3 dapat mencapai sekurang-kurangnya 6 minit.
4. Pelaksanaan projek berskala besar seperti Projek LRT Pulau Pinang secara kaedah kerjasama awam-swasta (PPP) membuka ruang bagi penglibatan pihak swasta dalam projek infrastruktur pengangkutan awam, khususnya sektor rel. Pelaksanaan projek ini dapat membantu Kerajaan Negeri mempercepatkan pembinaan dan penyediaan sistem LRT di Pulau Pinang agar dapat menangani masalah kesesakan jalan raya yang semakin meruncing.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

5. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan **infrastruktur bertaraf dunia untuk semua**, serta fokus kepada kesalinghubungan pengangkutan awam, Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (Stage Bus Service Transformation, SBST atau “myBAS”) akan ditambah baik dan diperluas ke 3 lokasi lain. Sehubungan itu, MOT mengalu-alukan **peruntukan sebanyak RM150 juta untuk memperluaskan Program SBST ini ke Kota Bharu, Kuantan dan Kota Setar pada tahun 2024.**

6. Kerajaan memandang berat isu kepentingan perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya di kawasan luar bandar agar kebolehcapaian tidak terputus dalam membantu pergerakan penduduk. Bagi Belanjawan 2024, Kerajaan **meneruskan pemberian subsidi sebanyak RM96 juta ringgit bagi Dana Sokongan Bas Henti-henti (ISBSF)** bertujuan untuk menampung kekurangan dalam operasi harian pengendali bas berhenti-henti dan memastikan kesinambungan perkhidmatan serta meningkatkan mutu perkhidmatan sedia ada sekaligus menggalakkan lebih ramai penumpang untuk menggunakan bas.

7. Seajar dengan hasrat Kerajaan untuk **membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam** serta sekaligus mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan bandar, Kerajaan akan terus **menawarkan pas bulanan perjalanan tanpa had, MY50 kepada lebih 180,000 penduduk Lembah Klang** yang menggunakan perkhidmatan bas dan rel PRASARANA pada tahun 2024.

8. Seajar dengan konsep Ekonomi Malaysia MADANI yang menfokuskan agenda perlindungan sosial untuk semua, MOT menyambut baik usaha Kerajaan untuk **meningkatkan Padanan Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada 90 peratus melalui PERKESO pada tahun 2024, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta** yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 300,000 orang pekerja e-hailing/p-hailing.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

9. Kerajaan komited bagi membantu golongan B40 khususnya golongan belia untuk mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui ciptaan peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi gig, pengangkutan awam dan logistik. Justeru, MOT menyokong baik usaha Kerajaan untuk meneruskan **Pelaksanaan Program MyLesen pada tahun 2024 dengan memperluaskan bantuan kepada golongan pekerja dalam ekonomi gig dan sektor logistik bagi mendapatkan Lesen Memandu Motosikal Kelas B2, e-hailing dan teksi.**

10. Berdasarkan data PDRM bagi kematian akibat nahas di jalan raya, jumlah kematian penunggang motosikal mewakili 67% daripada keseluruhan kematian akibat nahas jalan raya bagi tahun 2022. Bagi mendokong perkara ini, MOT melalui **JPJ akan mengagihkan sebanyak 100,000 topi kelendar kepada golongan yang memerlukan, terutamanya kepada kanak-kanak dan keluarga kurang mampu, yang merupakan pengguna motosikal utama di Malaysia.** Penggunaan topi keledar telah terbukti dapat mengurangkan kebarangkalian kecederaan kepala, muka dan otak dalam kalangan penunggang motosikal. Selain mengurangkan kebarangkalian kecederaan maut dan mencegah kecederaan serius dalam kemalangan.

11. MOT menyambut baik hasrat kerajaan dengan menggunakan hasil kutipan jualan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI). Menerusi hasil jualan NPI tersebut, dana yang dikutip akan dapat dipulangkan kepada rakyat bagi membangunkan kemudahan yang secara langsung akan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Cadangan oleh YAB PM mengenai kenderaan EV termasuk **memberi rebat tunai RM2,400 bagi mereka yang berpendapatan tahunan RM120 ribu menunjukkan sokongan Kerajaan kepada Dasar Pengangkutan Negara (DPN) yang selari dengan hasrat ke arah Negara Bebas Karbon menjelang 2040.** Menerusi inisiatif ini, MOT percaya bahawa penerimaan dan penggunaan kenderaan EV dalam kalangan rakyat akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya mengurangkan pembebasan karbon.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SEKTOR UDARA

12. Kementerian Pengangkutan menyambut baik komitmen Kerajaan dalam menyokong **pertumbuhan sektor penerbangan dan memesatkan pemulihan sektor industri pelancongan negara, melalui geran padanan penerbangan carter dan Pelan Liberalisasi visa Malaysia yang melibatkan kemudahan *Visa-On-Arrival*, pas lawatan sosial dan tawaran Multiple Entry Visa** bagi menggalakkan kemasukan pelancong dan pelabur terutamanya dari negara India dan China.

13. Demi meneruskan ketersambungan dan mobiliti penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak, Kementerian Pengangkutan menyambut baik hasrat Kerajaan untuk **meneruskan subsidi perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services – RAS*) sebanyak RM209 juta bagi tahun 2024**. Keputusan ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan penerbangan RAS di Sabah dan Sarawak diteruskan dengan lebih baik dan menyeluruh pada masa akan datang. Bagi maksud pengoperasian perkhidmatan RAS kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya dalam merundingi pengambilalihan perkhidmatan RAS di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

14. **Pelaksanaan projek menaik taraf padang terbang Pulau Tioman (STOLport Tioman)** yang melibatkan pemanjangan landasan daripada 913 meter kepada 1,300 meter bagi menampung keperluan operasi pesawat jenis Kod 3C (ATR-72) dengan **peruntukan sebanyak RM47 juta akan meningkatkan industri pelancongan di Pulau Tioman**. Inisiatif ini juga akan turut dimanfaatkan oleh penduduk setempat bagi meningkatkan mobiliti.

15. Kerajaan Pengangkutan mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk **meneruskan inisiatif FLYsiswa** untuk manfaat hampir 60,000 pelajar daripada keluarga kurang mampu melalui subsidi pembelian tiket penerbangan untuk IPTA bagi **laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2024**. Bantuan ini adalah salah satu inisiatif



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Kerajaan Perpaduan untuk mengeratkan hubungan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan di samping menangani isu kos sara hidup selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

SEKTOR MARITIM

16. Dalam usaha mengekalkan Pelabuhan Malaysia terus berdaya saing dan meningkatkan kecekapan operasi, **Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta disediakan secara geran padanan bersama Lembaga Pelabuhan Klang untuk menyelenggara Jalan Pelabuhan Klang di samping turut menguatkuasakan had beban lebih muatan ke atas kenderaan berat.** Dengan penyelenggaraan ini, akan dapat membantu kelancaran pergerakan *haulage* di samping memastikan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

17. Selain itu, bagi memperkukuh lagi peranan Pelabuhan Klang sebagai National Load Centre, cadangan pembangunan Terminal Ketiga Pelabuhan Klang di Pulau Carey akan meningkatkan daya saing dan potensi Pelabuhan Klang yang merupakan pelabuhan utama negara serta hab pelabuhan serantau. Pelaksanaan cadangan ini secara Request for Proposal (RFP) adalah selaras dengan dasar semasa Kerajaan Perpaduan bagi memastikan Kerajaan mendapat tawaran harga serta pulangan terbaik dan mengelakkan sebarang ketirisan.

18. Kerajaan Persekutuan sedang mengadakan rundingan bersama Kerajaan Negeri Sarawak berkaitan hal-hal pentadbiran dan operasi Pelabuhan Bintulu. Beberapa jawatankuasa telah dibentuk bagi menyemak semula kriteria, syarat konsesi dan peranan Kerajaan Negeri terhadap Pelabuhan Bintulu. Hasil rundingan ini kelak akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi mendapatkan keputusan akhir.

19. Bagi **memacu pembangunan modal insan dalam sektor maritim**, MOT terus mendokong usaha-usaha intervensi bagi menarik lebih ramai belia dan pelajar lepasan sekolah untuk meneruskan pengajian dalam sektor maritim serta memberi



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

peluang pelaut sedia ada untuk meningkatkan kemahiran (upskilling). Dengan dana **peruntukan yang berjumlah RM20 juta yang dikongsi bersama program kesenian dan aeroangkasa**, skim pinjaman pendidikan latihan maritim ini mampu meningkatkan bilangan pelaut warganegara Malaysia untuk memiliki Perakuan Kekompetenan (*Certificate of Competency*).

SEKTOR LOGISTIK

20. Bagi mendukung aspirasi dan hasrat Kerajaan ke arah **pendigitalan dan inovasi perkhidmatan**, **Kementerian Pengangkutan menyambut baik peruntukan RM20 juta untuk tujuan pembangunan Modul 1, Fasa 2 MMSW**. MMSW merupakan satu projek infrastruktur digital untuk membangunkan tetingkap tunggal bagi tujuan fasilitasi pengangkutan dan perdagangan. MMSW bakal membolehkan komuniti perdagangan dan pengangkutan berintegrasi dengan Other Government Agencies (OGA) dan Permit Issuing Agencies (PIA) menerusi satu portal sehenti digital yang bersepadu untuk urusan melibatkan sektor pengangkutan maritim, logistik dan perdagangan.

21. Pembangunan sistem MMSW juga adalah bagi memenuhi keperluan mandatori Convention on Facilitation of International Maritime Traffic 1965 (FAL Convention 1965), International Maritime Organization (IMO) yang mewajibkan supaya negara anggota IMO membangunkan Maritime Single Window pada 1 Januari 2024

22. Peruntukan belanjawan 2024 bagi MMSW dapat dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan inisiatif-inisiatif digitalisasi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dalam memperkasakan ekosistem logistik negara dan meningkatkan produktiviti serta daya saing negara.

23. Kementerian Pengangkutan menyambut baik dengan penetapan dasar supaya harga diesel bersubsidi akan terus dinikmati oleh syarikat pengangkutan barangan. Penetapan dasar oleh Kerajaan akan memperkukuhkan sektor pengangkutan barangan, yang mana secara langsung akan mengurangkan kos pengangkutan



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

barangan di dalam rantaian pembekalan negara yang dapat dimanfaatkan oleh para pengguna.

24. Bersandarkan teras Malaysia MADANI, Belanjawan 2024 ini dapat mengangkat semula darjat dan martabat negara dengan menstruktur semula ekonomi Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia tanpa meminggirkan kehidupan rakyat yang berkualiti. Dalam mengemudi cabaran ekonomi negara yang kian mencabar, MOT akan terus memastikan pengangkutan mampan menerajui nadi pembangunan negara.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

13 OKTOBER 2023

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800- 88-7723

Faks : 603 8892 0208

E-mel : unitkomunikasikorporat@mot.gov.my



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA